

14 unit fasa satu Resort Villa habis dijual dalam 3 bulan

Seremban: Dalam masa tiga bulan selepas dilancarkan April tahun lalu, sebanyak 14 unit fasa satu Resort Villa yang dibangunkan Matrix Concepts Holding Berhad (Matrix Concepts) di Bandar Sri Sendayan di sini, habis terjual.

April tahun ini, pemaju itu melancarkan fasa kedua dengan menawarkan sebanyak 20 lagi unit banglo dua tingkat yang direka dengan teliti menggabungkan ciri keanggunan, keselesaan dan ketenangan yang mewah.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chai Keng Wai berkata, projek yang dijangka siap sepenuhnya pada 2026 itu mempunyai anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) sebanyak RM135.9 juta.

“Pembangunan peganan bebas seluas 16 ekar ini menawarkan tiga jenis susun atur bagi projek dua fasa yang dijangka siap pada pertengahan 2026. Fasa kedua baru dilancarkan bulan ini.

“Projek dengan ciri mesra alam seperti pemanas air suria dan sistem air hujan penuaian ini, kami bukan hanya membina rumah, malah sedang membina masa depan yang mampan dan memperkenalkan kemewahan serta gaya hidup yang tiada tandingan,” katanya.

Terdahulu beliau hadir pada Majlis Apresiasi Media Matrix Concepts di pekarangan vila berkenaan bertujuan menghargai pengamal media yang sentiasa bekerja rapat dengan syarikat korporat itu.



CHAI (tengah) bersama pengamal media pada Majlis Apresiasi Media Matrix Concepts di pekarangan Resort Villa, Bandar Sri Sendayan. - Gambar NSTP/AHMAD HASBI